

Pakar Australia puji jalan raya kita terbaik

BUTTERWORTH: Seorang penyelidik keselamatan jalan raya dari Australia, mengakui sistem jalan raya di Malaysia lebih baik dan selamat berbanding beberapa negara jiran dan negara membangun lain.

Malah, Pegawai Teknikal Majlis Penyelidikan Jalanraya Australia (ARRB), Paul Van Damme, berkata jalan raya di negara ini hampir sama dengan Australia dari segi lebar, lurus dan saling berhubungungan antara bandar.

"Jalan raya di Malaysia juga selamat dalam beberapa aspek," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan taklimat mengenai Program Penilaian Jalan Antarabangsa (iRAP) Malaysia di Jabatan Keselamatan Jalan Raya (JKJR) negeri di Wisma Perkeso, Seberang Jaya di sini, semalam.

Beliau seorang daripada tiga anggota kumpulan iRAP Malaysia yang mengkaji tahap keselamatan dan kondusif jalan raya di negara ini.

Van Damme yang berpengalaman menjalankan penyelidikan terhadap tahap keselamatan jalan raya di Australia dan Eropah, berkata jalan raya di Malaysia lebih selesa dan kondusif berbanding negara jiran lain.